



Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my

Bil.20 Disember 2009 Zulhijjah/Muharram 1430H

ISSN 1675-1873 Mukaian Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DIGITAL



PERHIMPUNAN BULANAN DISEMBER DAN AKRAB 2009

Pada 14 Disember 2009 lalu, DBKL telah mengadakan Majlis Pentaulahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB) 2009 yang diadakan di Auditorium DBKL. Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam dengan diiringi oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail.

Majlis ini telah menyaksikan seramai 40 orang rakan AKRAB menerima sijil pentaulahan yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan DBKL. AKRAB diwujudkan bagi meningkatkan kualiti diri ahli AKRAB sendiri dan rakan sekerja yang dibantu agar menjadi lebih produktif, proaktif dan berdaya saing. Dalam ucapan perasmian, Tan Sri Ismail Adam berkata, semua ahli AKRAB perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi supaya kerjasama yang diwujudkan dengan semua pihak lebih mudah dan berkesan.


'Saya melihat AKRAB sebagai satu wadah untuk membina insan yang berciri minda kelas pertama serta mempunyai sikap yang berintegriti tinggi. Mereka yang terpilih ini juga perlu mempunyai akhlak yang luhur,

tidak mementingkan diri serta dapat memberi sumbangan bermakna kepada organisasi yang anda naungi', katanya.

Sementara itu, Dato' Ahmad Fuad pulak yakin bahawa ahli AKRAB dari DBKL ini adalah individu yang sanggup menyahut cabaran di dalam membimbing rakan-rakan mereka yang bermasalah. 'Tanggungjawab anda terlalu berat dan sukar. Tetapi saya amat yakin, anda semua mampu memberikan kaunseling yang baik kepada kakitangan DBKL lain setelah menjalani pelbagai latihan bimbingan selama ini'.

Selepas majlis tersebut, Tan Sri Ismail Adam turut berpeluang mengadakan lawatan ke Pusat Panggilan Setempat (Call Centre) DBKL di Menara DBKL 2 yang bakal dilancarkan pada Januari 2010. Dalam sesi lawatan ini, beliau berpeluang mendengar penerangan ringkas mengenai sistem aduan yang digunakan oleh DBKL dalam mengurus aduan awam. Jelas sekali menunjukkan bahawa DBKL telah mewujudkan pelbagai kemudahan yang terbaik untuk warga kota melalui kedua-dua inisiatif tersebut.





BAJET 2010 BUDGET



DARI MEJA DATUK BANDAR
DATO' AHMAD FUAD B. ISMAIL



Pihak kerajaan telah pun meluluskan Bajet DBKL bagi tahun 2010 pada 19 November 2010. Bajet yang bertemakan 'MENGUTAMAKAN RAKYAT' ini jelas menunjukkan bahawa DBKL bukan sahaja bersedia dari segi penyediaan peruntukan kewangan yang bersesuaian malah sentiasa mengutamakan kepentingan seluruh warga kota terutamanya akauntabiliti kepada pembayar cukai taksiran di dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan di sekitar Kuala Lumpur. Penyediaan bajet kali ini juga menekankan projek pembangunan yang berkoncepcian 'people centric' bagi memberi impak yang lebih baik kepada semua pihak. Peningkatan tahap integriti yang ada difokuskan oleh DBKL dengan cara meneliti semula kaedah dan proses perolehan dari semasa ke semasa. Pemantauan projek pembangunan dan penilaian semula akan dilakukan bagi projek-projek yang bermasalah dan tidak memberi impak kepada orang ramai.

Sejumlah RM2.120 billion diperuntukan dalam Bajet 2010 dimana sebanyak RM1.102 billion merupakan perbelanjaan mengurus dan RM1.107 billion merupakan perbelanjaan pembangunan. Keutamaan peruntukan mengurus diberi kepada kerja-kerja teras perbandaran yang meliputi kerja-kerja pembersihan, pengindahan, penyelenggaraan sistem perparitan, jalanraya, kemudahan awam dan rekreasi serta mempertingkatkan tahap keselamatan Bandar. Sementara itu, untuk peruntukan pembangunan pula, ianya diberi keutamaan kepada projek-projek sambungan DBKL, RMK-9 dan Pakej Ransangan Ekonomi serta Projek Khas Tebatan Banjir.

Dengan Bajet 2010 yang mengutamakan rakyat, diharapkan DBKL secara berterusan melaksanakan penambahbaikan sistem-sistem pentadbiran dan perkhidmatan sedia ada bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan DBKL supaya ianya lebih cepat dan cekap pada masa akan datang sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada semua warga kota Kuala Lumpur.

The government has approved the DBKL Budget for the year 2010 on November 19 2010. The budget themed 'Mengutamakan Rakyat' or Priority Rakyat clearly shows that DBKL is not only ready in the preparation of its financial allocation but has always put the priority on the entire city dwellers especially for our accountability towards tax assessment payers in extending our services and facilities around Kuala Lumpur.

The preparation of this year's budget emphasizes on development projects using 'people centric' concept to give better impact to all parties. The existing integrity enhancement conducted by DBKL focuses on re-examining the methods and acquisition processes from time to time.

Monitoring of development projects and reassessments will be conducted on challenging projects which brings little impact to the public.

An allocation of RM2.120 billion was given in the 2010 Budget of which RM1.102 billion will cover management cost and RM1.107 billion will be allotted for development cost.

The priority of the management allocation will be for core municipality works which covers cleaning, beautification works pipe system maintenance, drainage maintenance, roads, public amenities and recreation and to enhance the city's security standard. Meanwhile, the allocation given for development, the priority will be used for continuing DBKL projects, RMK-9 and Economic Stimulus Package as well as Flood Control Special Projects.

With the 2010 Budget emphasizing on the rakyat, it is hope that DBKL will continue to improve its management systems and the available services to enhance DBKL's management prestige in ensuring fast and efficient service in the future and at the same time capable of delivering better services to all Kuala Lumpur city dwellers.

From The Mayor's Desk

MONTHLY ASSEMBLY DECEMBER AND AKRAB 2009

On December 14 2009, DBKL held a Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB) Accreditation Ceremony 2009 which was held at the DBKL Auditorium. The Director General of Public Services, Tan Sri Ismail Adam attended the ceremony and was accompanied by the Kuala Lumpur City Mayor, Dato' Ahmad Fuad Ismail.

A total of 40 AKRAB members who are DBKL employees received their accreditation certificates in the ceremony. AKRAB was introduced to enhance the self-quality among AKRAB members and office colleagues who are trained to be more productive, proactive and competitive. In his opening speech, Tan Sri Ismail Adam said, all AKRAB members need to possess high self-confidence to ensure easier and effective cooperation with others.

'I see AKRAB as a platform to build first class individuals with high integrity attitude. Those who have been selected need to be of noble moral, self-less and are able to contribute well to the organisation that they belong to.'

Meanwhile, Dato' Seri Ahmad Fuad is confident that AKRAB members from DBKL are individuals who are sincere at heart and good because they have accepted a challenge to guide and help their partners who are facing problems.



"You have a heavy and challenging responsibilities. But I believe, all of you are capable of giving good counselling to other DBKL employees now that you have completed the training given".

Tan Sri Ismail Adam was taken on a tour of the DBKL Call Centre at Menara DBKL 2 which will be opened in January 2010 after the ceremony. During the visit he was given a briefing about DBKL's management of its public complaint system.

It is therefore clear that DBKL have implemented the best of many amenities for the city dwellers via the two initiatives.



Sidang Redaksi

Penasihat : Y.Bhg Dato' Ahmad Fuad bin Ismail

Ketua Editor : Y.Bhg Datuk Hj Salleh bin Yusop

Editor : Anwar bin Mohd Zain

Sub-Editor : Muz Hayza binti Md Zam

Pemb. Editor : Amy Hezen binti Harafiah
Wan Norazah binti Wan Md Nor

Jurufoto : Subarak b. Atan
Abd Rhani bin Md Shohor
Md Ismail bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada :

Sidang Redaksi Berita Bandaraya
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Tel. : 03-2617 9803 Faks : 03-2698 0460
Emel : penerbitan@dbkl.gov.my